

## Najib tarik balik saman terhadap kerajaan, kekal saman Tommy Thomas

BERNAMA



NAJIB dibawa menaiki kenderaan utiliti sukan (SUV) tiba di Kompleks Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur diiringi beberapa kenderaan polis dan Jabatan Penjara. FOTO Mohamad Shahri Badri Saali

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak hari ini menarik balik saman terhadap Kerajaan Malaysia berhubung dakwaan menyalahgunakan kuasa untuk mendakwanya dalam beberapa kes berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Bagaimanapun Najib sebagai plaintif meneruskan saman terhadap bekas Peguam Negara Tan Sri Tommy Thomas selaku defendant pertama.

Terdahulu peguam Firoz Hussein Ahmad Jamaluddin yang mewakili Najib memaklumkan kepada mahkamah bahawa anak guamnya memutuskan untuk memberhentikan kes saman terhadap kerajaan selaku defendant kedua.

"Saman terhadap kerajaan dihentikan," kata Firoz Hussein semasa prosiding di hadapan Hakim Datuk Ahmad Bachie.

### Artikel Berkaitan

- Saman Najib terhadap Tommy adalah serangan kolateral: Peguam
- Najib tarik balik saman terhadap Kerajaan Malaysia
- Najib saman Tommy Thomas, dakwa salah guna kuasa
- Saman Najib terhadap Kerajaan satu serangan sampingan dalam kes jenayahnya - AGC

Peguam Alan Adrian Gomez mewakili Thomas.

Najib, 69, hadir di mahkamah memakai sut kelabu dan duduk di galeri awam dengan dikawal beberapa pegawai dari Penjara Kajang. Turut kelihatan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor.

Berdasarkan notis pemberhentian saman yang difaillkan Tetuan Raj, Ong & Yudistra semalam, bekas Perdana Menteri itu memberhentikan sepenuhnya tindakan terhadap Kerajaan Malaysia dengan tiada perintah mengenai kos.

Pada 22 Oktober 2021 Najib memfaillkan saman itu atas dakwaan pertuduhan terhadapnya adalah sebahagian daripada perbuatan yang telah dirancang lebih awal oleh Thomas dan selaras dengan rancangan kerajaan Pakatan Harapan ketika itu.

Katanya, beliau telah didakwa di mahkamah dalam kes salah guna kuasa di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuh Malaysia 2009 dan pengubahan wang haram di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentukan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 membabitkan 1MDB dan International Petroleum Investment Company.

Najib menuntut secara bersama dan berasingan daripada Thomas dan kerajaan satu pengisyntiaran bahawa Thomas telah melakukan misfeasans dalam jawatan awam serta menuntut kerugian berjumlah lebih RM1.9 juta termasuk bayaran rundingan untuk pasukan audit melakukan semakan dokumentasi bagi penyediaan fakta untuk menangani pendakwaan terhadapnya.

Najib menuntut secara bersama dan berasingan daripada Thomas dan kerajaan satu pengisyntiaran bahawa Thomas telah melakukan misfeasans dalam jawatan awam serta menuntut kerugian berjumlah lebih RM1.9 juta termasuk bayaran rundingan untuk pasukan audit melakukan semakan dokumentasi bagi penyediaan fakta untuk menangani pendakwaan terhadapnya.

### Trending



Bapa Miera Liyana meninggal dunia



Terima kasih Cikgu Suriyana, bantu pelajar tidak kira bangsa



Shakira berdepan hukuman penjara



Mangsa anggap Ebit Lew 'orang besar' [METROTV]



Merayau di hospital minta duit ikonnya bayaran bil isteri bersalin



### Mutakhir



Bajet 2023: Rancakkan lagi sektor ekonomi gig



Pengkaji sejarah tekstil masih kurang



Fokus cegah merokok



AirAsia sokong polisi bebas produk tembakau



AirAsia sokong polisi bebas produk tembakau



**AD**  
The New, Facelift 3-Series and Possible Speculations



**AD**  
The New, Facelift 3-Series and Possible Speculations



**AD**  
A country where Korean speakers are everywhere!



Optimis hadapi ekonomi lembap



Pembinaan MRT3: Penduduk resah bimbang rumah 'tergadai'



**AD**  
The New, Facelift 3-Series and Possible Speculations



**AD**  
The New, Facelift 3-Series and Possible Speculations



**AD**  
A country where Korean speakers are everywhere!



'Mat Kilau' Jadi Ikon Pemuda BN Selangor, Siap Sedia Bantu Pemuda BN Hadapi...



'Niat Jual Cermin Mata Untuk Bantu Orang Susah, Bukan Tengah Sesak Duit' -...



'Bukan Tak Laku Tapi Terlebih Laku' – Lufya Terima Mesej Lelaki Tawar Diri Jadi...



**UTAMA**  
Demi kasihku untuk isteri



**MUTAKHIR**  
Saman fitnah: Tun M dakwa Ahmad Zahid sengaja bangkit isu perkauman



**MUTAKHIR**  
Bella beri keterangan secara tertutup hari ini [METROTV]



Penghidap Kanser Ovari Nak Makan & Minum Apa Yang Sesuai? Ada Pantang Ke?



Isu Saiz Payudara Jadi Sensasi Timbul Rasa 'Insecure' Dengan Suami, Ini...



**MUTAKHIR**  
Didakwa milik 740 gambar lucu kanak-kanak



**MUTAKHIR**  
Cubaan culik di Perak hanya rekaan murid - Polis Perak [METROTV]



**EROPAH**  
Shakira berdepan hukuman penjara



Penghidap Kanser Ovari Nak Makan & Minum Apa Yang Sesuai? Ada Pantang Ke?



Isu Saiz Payudara Jadi Sensasi Timbul Rasa 'Insecure' Dengan Suami, Ini...



Cara Masak Enoki Butter Viral, Jangan Salah Step Nanti Tak Jadi & Muak!



Katanya Kayap Ular Yang Bersambung Boleh Jadi Punca Kematian? Doktor Kata Itu...



Resepi Bihun Goreng Tomyam Viral, Rupanya Guna Bahan Rahsia Ini!